

Disediakan untuk: &lt;Nama orang yang dilindungi&gt;

**DOKUMEN KETERANGAN PRODUK: Sun eMediCare Income-i - Ini adalah produk takaful**

(Sila baca Dokumen Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan Sun eMediCare Income-i. Sila pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

**1. Apakah ciri-ciri produk ini?**

Sun eMediCare Income-i adalah pelan takaful perubatan dan kesihatan individu pembaharuan tahunan dengan perkongsian lebihan yang menawarkan perlindungan pendapatan hospital harian yang menyeluruh sehingga umur 70 tahun.

Pelan ini menawarkan manfaat pendapatan hospital harian sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital akibat semua sebab (akibat penyakit atau kemalangan). Manfaat hospital harian tambahan akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital akibat penyakit berjangkit tertentu\*, dimasukkan ke hospital di luar negara atau dimasukkan ke unit rawatan rapi hospital.

\* Penyakit berjangkit tertentu merujuk kepada Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Avian atau Jangkitan Virus Zika. Sila rujuk kepada dokumen kontrak untuk takrifan penyakit berjangkit tertentu.

**2. Apakah prinsip-prinsip Syariah yang berkenaan?**

- Prinsip tabarru' (sumbangan sukarela) - Persetujuan antara pemegang-pemegang kontrak dana takaful untuk menyediakan bantuan kewangan bersama.
- Prinsip wakalah (perlantikan ejen/wakil) - Persetujuan antara pengendali takaful ("Sun Life Malaysia Takaful Berhad") dan pemegang-pemegang kontrak dalam menguruskan dana-dana takaful.

**3. Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?**

Anda telah memilih &lt;Jenis pelan&gt; yang menawarkan manfaat-manfaat berikut:

Manfaat-manfaat	Jumlah yang dilindungi (RM)
Manfaat Pendapatan Hospital Harian	<Jumlah yang dilindungi> setiap hari sehingga 180 hari setiap tahun kontrak
Manfaat Pendapatan Hospital Harian Akibat Penyakit Berjangkit Tertentu	<Jumlah yang dilindungi> setiap hari sehingga 60 hari setiap tahun kontrak
Manfaat Pendapatan Hospital Harian di Luar Negara	<Jumlah yang dilindungi> setiap hari sehingga 90 hari setiap tahun kontrak
Manfaat Pendapatan Hospital Harian Unit Rawatan Rapi	<Jumlah yang dilindungi> setiap hari sehingga 30 hari setiap tahun kontrak

Nota-nota:

- Semua manfaat-manfaat yang akan dibayar adalah tertakluk kepada had gabungan kemasukan hospital sebanyak 180 hari setiap tahun kontrak. Hanya satu manfaat pendapatan hospital harian boleh dituntut untuk mana-mana satu hari dalam tempoh kemasukan hospital. Tiada manfaat pendapatan hospital harian lain boleh dituntut untuk tempoh kemasukan hospital yang sama apabila salah satu manfaat-manfaat di atas dituntut.
- Pembaharuan kontrak adalah sehingga anda mencapai umur 69 tahun. Walau bagaimanapun, pembaharuan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen kontrak.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

**4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?**

Sumbangan &lt;Kekerapan pembayaran&gt; yang perlu anda bayar adalah RM&lt;Amaun sumbangan&gt;. Tempoh bayaran sumbangan pelan ini akan berterusan sehingga umur 70 tahun.

Sumbangan akan berubah dengan umur dan ia akan meningkat mengikut umur tercapai anda pada ulang tahun kontrak seperti yang ditunjukkan di bawah:

Umur dicapai (umur pada ulang tahun kontrak)	Sumbangan <Kekerapan pembayaran> (RM)
Umur 18 - 30	<Amaun sumbangan>
Umur 31 - 40	<Amaun sumbangan>
Umur 41 - 50	<Amaun sumbangan>
Umur 51 - 55	<Amaun sumbangan>
Umur 56 - 60*	<Amaun sumbangan>
Umur 61 - 65*	<Amaun sumbangan>
Umur 66 - 69*	<Amaun sumbangan>

\*Untuk pembaharuan sahaja

Sumbangan di atas mungkin berubah berdasarkan pengalaman produk, termasuk pengalaman tuntutan atau mungkin akan disemak semula, seperti yang dijelaskan di bawah soalan 6 "Sumbangan tidak dijamin".

#### 5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

##### Jenis

- Duti setem
- Perkongsian kami dalam lebihan dana tabarru' peserta
- Yuran wakalah

##### Amaun

RM10 dan ia akan kami bayar bagi pihak anda.  
 50% daripada lebihan yang diisytiharkan, akan ditentukan pada setiap tahun kewangan.

Umur dicapai (Umur pada ulang tahun kontrak)	Yuran wakalah (sebagai peratusan daripada sumbangan setahun)	
	Peratusan daripada sumbangan setahun yang dibayar (%)	Amaun sebenar (RM)
Umur 18 - 30	45%	<Amaun sebenar>
Umur 31 - 40	45%	<Amaun sebenar>
Umur 41 - 50	45%	<Amaun sebenar>
Umur 51 - 55	45%	<Amaun sebenar>
Umur 56 - 60*	45%	<Amaun sebenar>
Umur 61 - 65*	45%	<Amaun sebenar>
Umur 66 - 69*	45%	<Amaun sebenar>

\**Untuk pembaharuan sahaja*

#### 6. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ketahui?

- **Kepentingan pendedahan** - anda mesti mendedahkan kesemua fakta-fakta penting dengan betul seperti pekerjaan, keadaan perubatan, umur atau tarikh lahir dan maklumat lain yang dikehendaki semasa pendaftaran. Jika kontrak ini adalah sepenuhnya untuk tujuan peribadi, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk mendedahkan sebarang fakta yang anda tahu yang berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar (jika ada) dan terma (jika ada) yang hendak dipakai dan tidak mengelirukan kami. Sekiranya dibuktikan bahawa terdapat penindasan fakta penting dan ia telah dibuat atau ditinggalkan salah, hanya remedi di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan dikenakan. Kewajiban pendedahan berterusan adalah tanggungjawab anda sehingga kontrak tersebut dikeluarkan, diubah atau diperbaharui.
- **Tempoh semakan percuma** - anda boleh membatalkan kontrak anda dalam masa 15 hari dari tarikh penghantaran kontrak dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sebarang sumbangan yang dibayar akan dikembalikan sekiranya anda membatalkan perlindungan takaful ini dalam tempoh semakan percuma.
- **Tempoh tenggang** - anda diberikan 30 hari tempoh tenggang dari tarikh sumbangan patut dibayar untuk pembayaran sumbangan. Sekiranya anda tidak membayar sumbangan dalam 30 hari tempoh tenggang dari tarikh sumbangan patut dibayar, kontrak anda akan luput dengan serta-merta.
- **Sumbangan tidak dijamin** - sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin akan disemak semula dari semasa ke semasa. Notis bertulis akan diberi kepada anda 30 hari terlebih dahulu dan sumbangan yang disemak semula tersebut akan dikuatkuasa bermula dari ulang tahun kontrak yang berikutnya. Akibat daripada sebarang perubahan sumbangan, amaun yuran wakalah akan berubah dengan sewajarnya.
- **Keadaan sedia ada** - bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh kontrak berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian, yang mana:
  - Rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah dicadangkan atau diterima;
  - Seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
  - Kewujudannya telah diketahui oleh anda dan/atau orang yang dilindungi, sama ada rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah dicadangkan atau diterima.
- **Cukai** - semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh kontrak ini akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.
- **Penamaan** - anda boleh menamakan seorang penama dan memastikan penama anda menyedari pelan takaful yang telah anda sertai.
- **Tempoh menunggu** - tempoh menunggu selama 30 hari dari tarikh kontrak berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian, akan dikenakan untuk semua penyakit dan penyakit berjangkit tertentu dengan pengecualian untuk penyakit-penyakit tertentu berikut yang tertakluk kepada tempoh menunggu selama 120 hari:
  - Tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular;
  - Kesemua ketumbuhan, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
  - Kesemua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak kecuali selsema dan sakit-tekak;
  - Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
  - Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan perempuan; dan
  - Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan keadaan lutut.
 Tiada manfaat yang akan dibayar dalam peristiwa orang yang dilindungi didiagnosis penyakit yang dilindungi atau mempunyai tanda-tanda dan gejala-gejala sebarang penyakit yang dilindungi dalam tempoh menunggu seperti yang ditakrifkan.

- **Proses tuntutan** - anda boleh memuat turun borang tuntutan dan melihat proses tuntutan di [www.sunlifemalaysia.com](http://www.sunlifemalaysia.com).

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

#### 7. **Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah pelan ini?**

##### Pengecualian-pengecualian:

Tiada manfaat akan dibayar jika kemasukan hospital adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana yang berikut:

- Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang dilindungi, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuai atau secara sengaja;
- Berada di bawah pengaruh dadah atau, sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
- Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjunan bungee, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti di dalam air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk;
- Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- Penyakit akibat Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan dengan AIDS, atau dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- Kelahiran anak, kehamilan dan komplikasi yang berkaitan dengannya;
- Sebarang rawatan atau pembedahan bagi keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- Sebarang keadaan sedia ada;
- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang wujud dalam tempoh menunggu, kecuali kemasukan hospital akibat kemalangan;
- Penyakit tertentu berlaku dalam tempoh 120 hari yang pertama dari tarikh kontrak berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian;
- Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang berlaku sepenuhnya dalam tahun kontrak; atau
- Kemasukan hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan x-ray, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak diperlukan dari segi perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk pengurangan atau kenaikan berat badan.

##### Pengecualian-pengecualian untuk kejadian yang dilindungi akibat Penyakit Berjangkit Tertentu:

Tiada manfaat akan dikenakan atau dibayar jika kemasukan hospital orang yang dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana yang berikut:

- Kejadian yang dilindungi berlaku dalam tempoh 30 hari dari tarikh kontrak berkuatkuasa atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian;
- Sebab-sebab lain selain daripada Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Avian Influenza, atau Jangkitan Virus Zika; atau
- Sebarang keadaan sedia ada.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak untuk maklumat lanjut mengenai pengecualian-pengecualian.

#### 8. **Bolehkah saya membatalkan (menyerahkan) kontrak saya?**

Anda boleh membatalkan kontrak dengan memberi notis bertulis kepada kami. Tarikh berkuatkuasa pembatalan adalah pada tarikh sumbangan patut dibayar yang berikutnya dan tiada nilai tunai atau sumbangan pro-rata akan dibayar apabila kontrak diserahkan.

#### 9. **Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas butiran perhubungan?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan ke atas butiran perhubungan anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dapat disampaikan kepada anda dalam masa yang sepatutnya.

#### 10. **Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai 'Takaful Perubatan dan Kesihatan', yang terdapat di Sun Life Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:  
**Sun Life Malaysia Takaful Berhad**  
Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Atau, anda boleh menghubungi talian **Khidmat Pelanggan Careline di 1300-88-5055**, kemukakan pertanyaan secara online melalui [sunlifemalaysia.com](http://sunlifemalaysia.com), emel kepada kami di [wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com), atau faks kepada kami di **(603) 2698 7035**.

**11. Pelan takaful Perubatan dan Kesihatan lain yang berjenis serupa.**

Sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami untuk pelan lain yang berjenis serupa.

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA KONTRAK INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI DOKUMEN KONTRAK TAKAFUL ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam Dokumen Keterangan Produk ini adalah sah pada **<Tarikh>**. Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad <Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)>, pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Sun Life Malaysia Takaful Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sesetengah manfaat yang dilindungi di bawah kontrak-kontrak/sijil-sijil takaful yang ditawarkan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad adalah dilindungi oleh PIDM untuk kehilangan sebahagian atau keseluruhan manfaat-manfaat takaful tersebut, sekiranya berlaku kegagalan ahli pengendali takaful. Untuk maklumat lanjut berkenaan had perlindungan dan skop perlindungan, sila layari web PIDM (<https://www.pidm.gov.my>) atau hubungi talian bebas tol PIDM di 1-800-88-1266.